



**PEKELILING
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 11/1975**

*Menentukan Tempoh Hakmilik Sementara Atau Hakmilik Tetap Yang Menggantikan
'Approved Application'*

Pekeling ini dikeluarkan untuk menasihat Pemungut-pemungut Hasil Tanah mengenai tempoh pajakan Negeri atau pajakan Mukim yang dicatat di dalam suratcara hakmilik sementara atau tetap yang menggunakan 'Approved Application'.

2. Kesalahan-kesalahan mengenai tarikh luputnya pajakan Negeri atau pajakan Mukim didapati di dalam beberapa suratan hakmilik sementara dan tetap yang menggantikan 'Approved Application'. Kesalahan tersebut berpunca daripada kiraan yang telah diberi kepada tarikh pemohon menggunakan tanah itu selepas disiapkan daftar 'Approved Application'. Misalnya, dimana kelulusan diberi untuk pajakan Mukim selama 30 tahun, dan tuanpunya telah menduduki pada 1.2.1961, Pemungut Hasil Tanah menetapkan tarikh luput pajakan Mukim itu sebagai 31.1.1991 sekiranya pjakan Mukim itu disiapkan dan didaftarkan pada 1.2.1971.

3. Perlu diingatkan bahawa di bawah seksyen 78(3) Kanun Tanah Negara, tempoh pajakan dalam mana-mana pajakan Negeri atau pajakan Mukim hendaklah dikira dari tarikh pendaftaran hakmilik. Dalam kes yang disebut di atas, Pihak Berkuasa mendaftarkan hakmilik itu akan menyatakan yang tuanpunya itu mendapat pajakan selama 30 tahun mulai 1.2.1971 tetapi pajakan itu akan luput pada 31.1.1991 dan tidak pada 31.1.2001. Dalam perkara ini Pihak Berkuasa Negeri atau Pemungut tidak berkuasa meminda syarat-syarat pemberian milik iaitu, syarat-syarat kelulusan yang telah disampaikan kepada pemohon sebelumnya daftar 'Approved Applications' disediakan. Sebenarnya bagi kesemua kes, syarat-syarat kelulusan ialah memberi pemohon pajakan bagi tempoh 30 tahun tanpa apa-apa syarat mengenai pengurangan tempoh itu jika sekiranya pemohon menduduki tanah itu sebelum pengeluaran hakmilik.

4. Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah dinasihantkan bahawa dalam penyediaan suratan hakmilik sementara atau tetap, tempoh pajakan mahulah selaras dengan tempoh yang dinyatakan di dalam kelulusan asal dan habis tempohnya sesuatu pajakan itu hendaklah ditentukan dari tarikh pendaftaran hakmilik dan tempoh pendudukan tanah itu sebagai 'Approved Applications' tidak boleh ditolak dari tempoh pajakan yang asal.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR,

Ketua Pengarah Tanah dan Galian

Persekutuan

P.T. TM 252/6-24

Kuala Lumpur,
Julai, 1975

